

22/01/1998

Kekalkan semangat satu padu

KUALA LUMPUR, Rabu - Rakyat akan berjaya mengukuhkan semula negara jika mereka mengekalkan semangat bersatu padu dan saling membantu di antara satu sama lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, masyarakat negara ini memasuki alaf ketiga dalam keadaan hak kemanusiaan, hak kebebasan bersuara dan demokrasi telah dihancurkan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, beliau bersyukur kerana rakyat masih lagi bersatu.

"Kita akan merancang cara-cara yang membolehkan rakyat kita dilindungi dan dapat hidup semula dalam keadaan seperti dulu.

"Saya bersyukur kerana hartawan Islam dan bukan Islam masih lagi berbakti dengan menyumbang kepada anak yatim.

"Jika kita dapat kekalkan sifat mulia ini, kita dapat dan akan berjaya 'menakluki semula' negara kita," katanya ketika berucap selepas menyampaikan sumbangan kepada anak yatim piatu di bangunan Tabung Haji di sini, hari ini.

Seramai 398 anak yatim piatu termasuk 20 bukan beragama Islam menerima sumbangan di antara RM140 dan RM250 pada majlis anjuran Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan itu.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Dr Mahathir berkata, sumbangan daripada orang Islam bukan saja wajar diberi kepada orang Islam tetapi juga boleh ditawarkan kepada bukan Islam yang memerlukan.

(END)